

22 SEP 1998

CUTI SEMINGGU UNTUK POLIS YANG BERTUGAS DI SUKAN KOMANWEL

KUALA LUMPUR, 22 Sept (Bernama) -- Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Noor hari ini mengumumkan cuti selama tujuh hari bagi para pegawai dan anggota polis yang terlibat dalam penugasan semasa Sukan Komanwel ke-16 yang berakhir malam tadi.

"Cuti itu akan diberi secara berperingkat-peringkat kepada anggota yang terbabit," katanya ketika menyampaikan amanat dan ucapan terima kasih kepada pegawai dan anggota polis di Pusat Latihan Polis di sini.

Seramai 6,600 pegawai dan anggota pelbagai cawangan, unit dan bahagian Polis Diraja Malaysia terlibat dalam penugasan semasa temasya sukan itu sejak akhir bulan lepas.

Dalam amanatnya, Abdul Rahim turut menyampaikan ucapan terima kasih daripada Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad kepada semua anggota yang terlibat dalam penugasan itu.

Dr Mahathir menyampaikan ucapan dan penghargaan itu secara peribadi kepada Abdul Rahim yang dipanggil ke Pejabat Perdana Menteri pagi ini.

Abdul Rahim berkata ucapan daripada Dr Mahathir itu menunjukkan beliau faham dan menghargai tugas polis dalam menjamin keselamatan sepanjang temasya sukan itu.

-- BERNAMA

ZAI SN khy